

Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapan pada ruang yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Berkat dorongan dan sokongan kedua ibu bapanya, Amira telah berjaya menempa nama dalam bidang perniagaan. _____
2. Setiap petang, Puan Asmah menjual goreng keledek di hadapan rumahnya. _____
3. Konsert itu dibatalkan oleh kerana tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan. _____
4. Lain-lain hal yang berbangkit akan dibincangkan kemudian.

5. Farha menangis teresak-esak bila diberitahu tentang berita yang sedih itu. _____
6. Syafiq marahkan abangnya yang sudah dua tahun tidak pulang ke kampung. _____
7. Sudah berminggu saya tidak bersua muka dengan anak Pak Hilal itu.

8. Berbagai jenis pakaian yang dipamerkan di Pameran Busana Tradisional Melayu tempoh hari. _____
9. Keropok lekor itu sangat sedap sekali apabila dimakan dengan cili sos.

10. Semua peserta-peserta seminar itu diminta berkumpul di dewan utama seawal pukul 8.00 pagi. _____
11. Manisha sangat suka akan biskut yang ibunya bakar.

12. Sikap saling bantu-membantu wajar dipraktikkan dalam masyarakat.
